



TEKS PERASMIAN
YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

PROGRAM
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM
ADVOKASI PENJAGAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) AUTISME
PERINGKAT SARAWAK

LOKASI / TARIKH / MASA
AUDITORIUM PUSTAKA NEGERI SARAWAK,
4 JULAI 2026 (SABTU), 2.30 PETANG

Kemas kini: 3 Julai 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur dan
Salam Malaysia MADANI**

(SALUTASI akan disediakan)

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak dan Persatuan Pemulihan dan Pemerkasaan Insan Istimewa Kuching Samarahan (SUREABLE) kerana telah menjemput saya ke Program Advokasi Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Autisme Peringkat Sarawak Tahun 2026.

2. Tahniah Syabas dan tahniah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) atas penganjuran Program Advokasi Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Autisme yang akan dilaksanakan di seluruh negara dengan sasaran seramai 3,000 orang.

3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran semua peserta pada hari ini. Kehadiran ini membuktikan komitmen bersama untuk menambah ilmu, berkongsi pengalaman dan memperkukuh jaringan sokongan kepada komuniti autisme. Saya berharap segala ilmu yang diperoleh sepanjang program ini dapat dimanfaatkan demi kesejahteraan anak-anak istimewa kita.

Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

STATISTIK PENDAFTARAN OKU

4. Autisme atau Gangguan Spektrum Autisme (Autism Spectrum Disorder - ASD) bukanlah satu penyakit, sebaliknya merupakan satu keadaan perkembangan neurologi yang unik. Setiap individu autisme mempunyai kebolehan, potensi dan keperluan yang berbeza. Justeru, mereka memerlukan sokongan berterusan daripada keluarga, masyarakat dan kerajaan agar dapat berkembang mengikut potensi masing-masing.

5. Sehingga 31 Mei 2026, Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan 843,759 orang OKU berdaftar di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 341,229 orang merupakan OKU kategori pembelajaran dan 91,681 orang adalah individu autisme. Pendaftaran kategori autisme juga telah **meningkat hampir lapan kali ganda** berbanding tahun 2015. Ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengesanan awal, diagnosis dan pendaftaran sebagai OKU semakin meningkat.

6. Di Sarawak, seramai 56,980 orang OKU berdaftar direkodkan, termasuk 24,743 orang dalam kategori pembelajaran dan 7,366 orang individu autisme. Angka ini bukan sekadar statistik, malah menggambarkan keperluan untuk kita terus memperkukuh intervensi awal, sokongan kepada keluarga serta menyediakan persekitaran yang lebih inklusif supaya setiap anak autisme berpeluang belajar, berkembang dan mencapai potensi terbaik mereka.

7. Angka-angka ini juga bukan sekadar statistik. Di sebalik setiap angka ini ialah seorang anak yang mempunyai impian, sebuah keluarga yang sedang berjuang dan ibu bapa yang tidak pernah berhenti berharap agar anak mereka diterima oleh masyarakat.

PERKHIDMATAN KPWKM KEPADA KOMUNITI AUTISME

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Peningkatan bilangan individu autisme yang berdaftar memberi gambaran bahawa semakin ramai ibu bapa tampil mendapatkan diagnosis dan sokongan awal untuk anak-anak mereka. Namun, di sebalik perkembangan ini, ramai ibu bapa dan penjaga masih berdepan cabaran dari segi penjagaan, pendidikan, terapi serta kos yang perlu ditanggung.

9. Justeru, **sokongan berterusan** daripada semua pihak amat penting bagi memastikan anak-anak autisme mendapat peluang terbaik untuk berkembang.
10. Program Advokasi Penjagaan OKU Autisme yang diadakan pada hari ini amat bertepatan dengan keperluan semasa. Program ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan mengenai autisme, malah memperkukuh kemahiran keibubapaan, memperluas jaringan sokongan serta menggalakkan kerjasama antara agensi kerajaan,

pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan sektor swasta dalam memperkasakan komuniti autisme.

11. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat terus memperkukuh sokongan kepada komuniti autisme melalui pelbagai inisiatif. Antaranya ialah pengoperasian Taska Autisme di Sibul, pelaksanaan Subsidi Yuran Pembelajaran Autisme (SYPA) serta peluasan Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) ke Sabah, Sarawak dan

Labuan. Kesemua inisiatif ini bertujuan memperluaskan akses kepada perkhidmatan diagnosis, terapi, latihan, intervensi awal dan sokongan kepada keluarga.

12. Bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak autisme mendapat akses kepada terapi, Kerajaan telah menyediakan RM15 juta bagi pelaksanaan SYPA yang memberi manfaat kepada hampir 30,000 kanak-kanak autisme di seluruh negara.

13. Setiap kanak-kanak layak menerima subsidi sehingga RM1,000, yang disalurkan terus kepada pusat terapi berdaftar. Di Sarawak, **hampir 300 kanak-kanak telah menerima manfaat ini pada tahun 2025** dengan jumlah pembayaran **sebanyak RM127,500** dan inisiatif tersebut diteruskan pada tahun ini.

14. Selain itu, Belanjawan 2026 yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri turut **memperuntukkan RM12 juta** bagi peluasan projek rintis Pusat Perkhidmatan Autisme (PPA) di Sabah, Sarawak dan Labuan. **Daripada jumlah tersebut, RM4 juta diperuntukkan kepada Sarawak.** Pada peringkat awal, pusat ini akan diwujudkan di **Kuching, Sibuan dan Miri** sebagai pusat sehenti yang menawarkan perkhidmatan diagnosis, terapi, latihan, advokasi dan sokongan kepada keluarga.

KEPENTINGAN KOLABORASI STRATEGIK

15. Usaha memperkuat komuniti autisme bukanlah tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ia memerlukan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan, NGO, institusi pendidikan, sektor swasta serta masyarakat. Kerjasama seperti inilah yang akan membolehkan lebih banyak peluang diwujudkan untuk anak-anak autisme berkembang dalam persekitaran yang selamat, inklusif dan menyokong.

16. Di Sarawak, kita turut menyaksikan pelbagai usaha ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif, termasuk **pembukaan Ausome Park** di Majlis Bandaraya Kuching Selatan (**MBKS**), iaitu **taman permainan luar mesra autisme pertama di negeri ini**. Inisiatif seperti ini membuktikan bahawa usaha membina masyarakat yang prihatin bukan hanya tertumpu kepada penyediaan bantuan, malah merangkumi penyediaan ruang awam yang membolehkan setiap anak berasa diterima dan dihargai.

HARAPAN

17. Saya ingin menyeru semua yang hadir hari ini — jadilah agen perubahan dalam komuniti masing-masing. Bantu sebarkan kesedaran tentang kepentingan mendaftar OKU dan mendapatkan intervensi awal. Hapuskan stigma. Bina masyarakat yang lebih cakna, berempati, dan inklusif.

18. Setiap anak autisme mempunyai potensi yang menunggu untuk dikembangkan. Setiap keluarga yang berjuang berhak untuk tidak berseorangan. Dan setiap komuniti yang bersatu padu mampu mengubah kehidupan. Inilah semangat Malaysia Madani yang ingin kita jadikan kenyataan bersama.

19. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak, SUREABLE, Pustaka Negeri Sarawak, Let's play Therapy, para penaja, para penceramah, rakan strategik serta semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan Program Advokasi Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Autisme Peringkat Sarawak pada hari ini.

20. Terima kasih juga kepada badan-badan korporat atas tajaan dan sumbangan yang diberikan kepada anak-anak autisme. Semoga segala usaha dan kerjasama ini terus menjadi pemangkin kepada kesejahteraan komuniti autisme di negeri ini.

Dengan Lafaz Bismilahirrahmanirrahim, sukacitanya saya dengan ini merasmikan **Program Advokasi Penjagaan Orang Kurang Upaya (Oku) Autisme Peringkat Sarawak.**

Sekian. *Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
4 JULAI 2026